

NO. SOALAN: 278

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10108

SOALAN :

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah kemalangan maut yang berlaku
semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2017 dan
perbandingannya dengan tahun sebelumnya.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik perbandingan jumlah kemalangan dan kemalangan maut bagi Op Selamat 9/2016 dan Op Selamat 11/2017 adalah seperti berikut:

PERKARA	OP SELAMAT 9/2016	OP SELAMAT 11/2017	PERBANDINGAN	
			BEZA	%
JUMLAH KEMALANGAN	20,982	22,402	1,420	7
JUMLAH KEMALANGAN MAUT	273	239	-34	-12
JUMLAH KEMATIAN	299	257	-42	-14

Nota: Op selamat 9/2016 dan 11/2017 adalah operasi yang di jalankan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri

Statistik perbandingan kes pecah rumah bagi Op Selamat 9/2016 dan Op Selamat 11/2017 seperti berikut:-

	OP SELAMAT 9/2016	OP SELAMAT 11/2017	BEZA	%
	794	629	-165	-21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BAHRU]**

SOALAN : 279

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan berapakah kos yang telah
dikeluarkan oleh Kerajaan sehingga kini dalam usaha mengesan
kapal terbang MH370 yang hilang.**

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, operasi pencarian pesawat MH370 oleh pasukan operasi melibatkan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) di kawasan seluas 120,000 kilometer persegi di Lautan Hindi telah selesai dilaksanakan dan digantung pada 17 Januari 2017. Dalam hubungan ini, kos yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan sehingga kini bagi usaha mengesan pesawat MH370 yang hilang adalah sebanyak **RM376,983,458.27**.